

## MINIT MESYUARAT AJK SURAU AN NUR SIRI 6/2015

### SURAU AN NUR SETIA ECO PARK

**TARIKH** : 10 Mac 2015 (SELASA)  
**MASA** : 8.00 MALAM  
**TEMPAT** : SURAU AN NUR, SETIA ECO PARK  
**KEHADIRAN** : SEPERTI DI LAMPIRAN  
**AGENDA** :

#### 1. KATA-KATA ALUAN Pengerusi Surau An Nur

Yang Berbahagia Datuk Mohamad Bin Maidon mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada AJK yang hadir. Mesyuarat kali ini akan membincangkan perkara-perkara berikut:

- Pengurusan Surau
- Khairat Kematian PERSALAM
- Menaiktaraf Surau
- Program Surau 2015

#### 2. MELULUSKAN MINIT MESYUARAT

Minit mesyuarat siri 5/2014 bertarikh 26 Okt 2014 telah diluluskan setelah dicadangkan oleh Dr Fadhlillah dan disokong oleh Dr Zulkifli.

#### 3. PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

Mesyuarat diteruskan dengan membincangkan cadangan berikut:

Siri	Perkara	Tindakan
3.1	<p><b>LAPORAN KEWANGAN</b></p> <p>Bendahari tidak hadir kerana berada di luar Negeri. Beliau memohon kempen kutipan sumbangan ahli kariah RM50 sebulan dipertingkatkan agar jumlah kutipan dapat ditingkatkan untuk menampung kos operasi surau yang semakin meningkat.</p> <p>Pengerusi memohon Setiausaha untuk membuat hebahan kepada ahli kariah.</p> <p>Laporan Akaun setiap 6 bulan due pada bulan Mac 2015. Pengerusi juga mahu bajet berikut diperuntukkan:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>- Perbelanjaan bulanan surau adalah RM 2,000.00 sebulan.</li><li>- Perbelanjaan Ramadhan dianggarkan RM 12,000.00</li></ul>	<p><b>Setiausaha, Bendahari</b></p>

<p><b>3.2</b></p>	<p><b>PENGURUSAN JENAZAH – UBAHSUAI BILIK JENAZAH</b></p> <p>Hj Hamdan adalah coordinator hal ehwal urusan jenazah memaklumkan perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Platform urusan mandi jenazah yang ada akan dipecahkan dan diganti dengan takung/platform mudahalih.</li> <li>- Kos diluluskan sebanyak RM 1,000.00 mencukupi.</li> <li>- Dr Fadh akan mengeluarkan sebutharga.</li> </ul>	<p><b>Hj Hamdan Dr Fadh Setiausaha Bendahari</b></p>
<p><b>3.3</b></p>	<p><b>PUSAT KECEMERLANGAN BACAAN AL QUR'AN</b></p> <p>Pengerusi memaklumkan inisiatif menjadikan Surau An Nur sebagai pusat kecemerlangan membaca Al Qur'an:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Kelas bimbingan / tadarus mingguan akan diteruskan kerana peningkatan mutu bacaan ahli kariah amat menggalakkan.</li> <li>- Program bimbingan kanak-kanak dan remaja akan diadakan pada cuti sekolah.</li> </ul>	<p><b>Setiausaha</b></p>
<p><b>3.4</b></p>	<p><b>PEMELIHARAAN FASILITI SURAU</b></p> <p>Hj Jasmani selaku kordinator menjaga fasiliti surau akan memastikan perkara berikut dilaksana:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pintu pagar surau tidak perlu dikunci untuk membolehkan mereka yang ingin bersolat berbuat demikian.</li> <li>- Ruang utama surau dikunci dan sediakan tempat solat di luar untuk elakkan pengunjung tidur di ruang solat pada waktu tengahari.</li> <li>- Landscaping surau – masih dilaksanakan oleh pihak kontraktor.</li> <li>- Cucian mingguan oleh pembantu perlu diteruskan.</li> </ul>	<p><b>Hj Jasmani</b></p>
<p><b>3.5</b></p>	<p><b>CADANGAN MENGIMARAHKAN SURAU</b></p> <p>Untuk menggalakkan penyertaan lebih ramai ahli kariah kepada aktiviti surau, program berikut akan dilaksanakan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Program remaja – acara BBQ akan diadakan di samping menarik dan meraikan ahli kariah baru.</li> <li>- Program bowling – diluluskan. Sdra Zaini akan uruskan.</li> <li>- Acara bersama anak yatim – melalui kunjungan/ziarah.</li> <li>- Website surau – memastikan maklumat dikemaskini dan dijadikan sebagai sumber rujukan aktiviti dan kegiatan surau</li> <li>- Saluran Whatsap Surau An Nur terus digunakan untuk perbincangan dan makluman aktiviti surau kepada kariah.</li> </ul>	<p><b>Sdra Zaini / Biro Remaja</b></p> <p><b>Hj Mokhsein</b></p> <p><b>Setiausaha</b></p>

<p><b>3.6</b></p>	<p><b>PROGRAM RAMADHAN</b></p> <p>Satu mesyuarat khas akan diadakan memandangkan Ramadhan akan tiba dalam jangka 100 hari lagi.</p> <p>Pengerusi memohon agar Imam tahfiz jemputan dikenalpasti sebelum mesyuarat tersebut.</p>	<p><b>Setiausaha</b></p>
<p><b>3.7</b></p>	<p><b>KHAIRAT KEMATIAN PERSALAM</b></p> <p>AJK / Wakil PERSALAM Surau An Nur, Dr Fadh, memaklumkan surau kita telah ditugaskan untuk membuat 'ground work' khairat kematian bagi Komuniti Islam Setia Alam.</p> <p>Dr Fadh perlu membuat kajian dan akan membentangkan pada mesyuarat akan datang. Perkara berikut perlu dikenalpasti:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pendaftaran</li> <li>- Terms of Reference</li> </ul>	<p><b>Dr Fadh</b></p>
<p><b>3.8</b></p>	<p><b>NAIKTARAF SURAU</b></p> <p>Untuk menambahkan keselesaan surau naiktaraf berikut perlu diadakan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Sink/bowl basuh tangan di tempat jamuan belakang surau – kos RM 500</li> <li>- Louvers di bahagian dinding atas perlu ditutup untuk penyaman udara lebih berkesan – kos RM 6,600</li> <li>- Sticking film di pintu-pintu masuk untuk elakkan kemalangan melanggar pintu apabila ditutup – kos RM 1,100</li> <li>- Membaiki kunci pintu-pintu ruang solat.</li> </ul> <p>Mesyuarat meluluskan peruntukkan sebanyak RM 10,000.00. Kontraktor Pembinaan Villacon telah dilantik untuk melaksanakan naiktaraf.</p> <p>Ahli kariah digalakkan untuk menampung kos naiktaraf.</p>	<p><b>Setiausaha</b></p> <p><b>Bendahari</b></p>
<p><b>3.9</b></p>	<p><b>PROGRAM KULIAH</b></p> <p>Mesyuarat bersetuju cadangan kuliah Hadith oleh Sheikh Isam. Pengerusi mohon sesi penilaian dibuat terlebih dahulu untuk pastikan ia sesuai untuk kariah.</p>	<p><b>Setiausaha</b></p> <p><b>Hj Sham</b></p>

#### 4. HAL-HAL LAIN

Mesyuarat diteruskan dengan membincangkan usul berikut:

Siri	Perkara	Tindakan
4.1	<p><b>TOWER TELCO</b></p> <p>Tn Hj Ahmad Jefril memaklumkan pihak Celcom berhasrat memasang tower komunikasi GSM untuk tingkat kualiti perkhidmatan kawasan sekitar sambil menyediakan sumber dana surau. Pengerusi mengarahkan perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>- Mendapatkan pandangan pihak Pemaju / Bandar Eco Setia.</li><li>- Mendapatkan artikel kesan radiasi dan keselamatan kepada penduduk sekeliling</li><li>- Pihak Celcom boleh memajukan kertas cadangan.</li></ul>	<p><b>Setiausaha</b></p> <p><b>Hj Ahmad Jefril</b></p>
4.2	<p><b>PROGRAM ZIARAH ACHEH</b></p> <p>Hj Ahmad Jefril mencadangkan program ini sebagai satu aktiviti silaturrahim kariah Setia Eco Park.</p> <p>Tarikh yang dicadangkan ialah pada 22 hingga 25 Mei 2015. Hj Ahmad Jefril akan menjadi coordinator program ini.</p> <p>Akan dimaklum dan dipromosi kepada ahli kariah.</p>	<p><b>Setiausaha</b></p>

#### 5. UCAPAN PENANGGUHAN MESYUARAT

Datuk Pengerusi merakamkan ucapan terima kasih kepada semua yang hadir dan berharap segala perkara yang telah dipersetujui akan dilaksanakan.

Mesyuarat akan datang iaitu khas untuk program bulan Ramadhan akan diadakan dalam bulan Mei 2015. Mesyuarat ditangguhkan pada jam 9.30 malam.

Disediakan oleh

Disemak oleh

.....  
(HJ MAT ASIS BIN MAHNOON)  
Setiausaha SURAU AN NUR

.....  
(DATUK MOHAMMAD BIN MAIDON)  
Pengerusi SURAU AN NUR

**SENARAI KEHADIRAH MESYUARAT AJK SURAU AN NUR SIRI 6/2015**

**PADA 10 MAC 2015**

<b>NAMA JAWATAN</b>	<b>NAMA PENYANDANG</b>	<b>KEHADIRAN</b>
PENGERUSI	DATUK MUHAMMAD BIN MAIDON	Hadir
SETIAUSAHA	HAJI MAT ASIS BIN MAHNOON	Hadir
BENDAHARI	HAJI SHAMSUDIN BIN BASRI	Tidak Hadir
AJK WANITA	DR ANIS SAFURA BINTI RAMLI	Tidak Hadir
AJK REMAJA	EN ZAINI BIN ZAKARIA	Tidak Hadir
AJK	PUAN NORAINI BINTI ROSLAN	Tidak Hadir
AJK	HAJI MOKHSEIN BIN ABDULLAH	Tidak Hadir
AJK	HAJI AHMAD NAJHAN BIN JAMIL	Hadir
BILAL 1	HAJI JASMANI BIN HJ ABBAS	Hadir
BILAL 2	DR MOHD FADHLILLAH BIN MAHMOOD	Hadir
BILAL 3	DR ZULKIFLI BIN ZAINAL ABIDIN	Hadir
BILAL JENAZAH LELAKI	HAJI HAMDAN BIN ZAMBAHARI	Hadir
BILAL JENAZAH WANITA	DATIN FARIDAH BINTI ARIS	Tidak Hadir
PEMERIKSA KIRA KIRA 1	DR ZAKIR HUSSAIN	Hadir
PEMERIKSA KIRA KIRA 2	HAJI AYUB KHAN BIN MOHAMOD	Tidak Hadir
	HJ AHMAD JEFRI BIN MOHAMED	Turut Hadir